



**IJM CORPORATION BERHAD**  
(104131-A)

## **PERNYATAAN DASAR TENTANG ALAM SEKITAR**

IJM Corporation Berhad dan kumpulan syarikatnya komited untuk sentiasa menambah baik Sistem Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar bagi mencapai objektif utama **Perlindungan Alam Sekitar**.

Berpandukan moto kami, iaitu “**Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar adalah Tanggungjawab Semua**”, Kumpulan akan berusaha untuk:

- Mematuhi semua undang-undang Alam Sekitar dan kehendak lain yang terpakai termasuk kehendak sistem pengurusan dalaman Organisasi;
- Mencegah apa-apa pencemaran alam sekitar yang berpunca daripada aktiviti/produk/perkhidmatan Organisasi;
- Mengenal pasti dan menguruskan konteks organisasi serta risiko dan peluang yang wujud disebabkan strategi/aktiviti/produk/perkhidmatan dalam Organisasi;
- Mendekati pihak berkepentingan termasuk pekerja, pelanggan, rakan kongsi, pereka bentuk, subkontraktor dan rangkaian bekalan untuk memastikan pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar yang berkesan;
- Menyediakan latihan, maklumat dan kemudahan untuk meningkatkan kebertanggungjawaban pada semua peringkat Organisasi serta memberikan kesedaran kepada pihak berkepentingan; dan
- Memantau dan mengkaji semula secara berkala pencapaian hasil yang diharapkan bagi Organisasi.

**Dato' Ir Soam Heng Choon**  
Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan  
22 Oktober 2018